

## Pertandingan Bertutur Bahasa Mandarin



Pekan, 22 Mac- Mandarin Language Culture Centre (MLCC) dengan kerjasama Mandarin Language Society (MLS) Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan menganjurkan *Mandarin Speaking Contest 2017* bertemakan "Impian Masa Depan" yang berlangsung di Perpustakaan Auditorium UMP. Hadir merasmikan program Penasihat Mandarin Language Society, Kang Mei Feng yang turut dihadiri guru dari SJK(C) Chung Ching, Ng Choy Ying dan guru Bahasa Mandarin dari MLCC, Cheng Ching Yee serta Sun Yun Feng.

Menurut Kang, objektif utama pertandingan ini ialah untuk mewujudkan peluang bagi mahasiswa bukan Cina untuk mempelajari Bahasa Mandarin. Dengan penganjuran pertandingan seperti ini dapat meningkatkan kemahiran mahasiswa menguasai bahasa ini dengan dibantu guru-guru Bahasa Mandarin tempatan di Universiti Malaysia Pahang (UMP) banyak membantu mahasiswa ini membuat persediaan yang terbaik.

"Seramai 25 peserta telah menunjukkan kemahiran bertutur dalam Bahasa Mandarin dan prestasi mereka sangat memuaskan. Di samping itu, pertandingan ini memberi peluang pihak universiti memilih wakil UMP mahasiswa bukan Cina untuk menyertai Pertandingan 16th Chinese Bridge (Malaysia) di Institute Kongzi, Universiti Malaya (UM) pada 13 Mei nanti," katanya.

Dalam pada itu, UMP juga akan menghantar mahasiswa bagi mengikuti ujian "Hanyu Shuiping Kaoshi (HSK)" yang dibangunkan dan diiktirafkan oleh China. Ujian HSK setaraf dengan IELTS atau TOFEL, iaitu menguji tahap penguasaan berbahasa Mandarin. Ujian HSK mempunyai enam tahap bagi menguji kemahiran mendengar, membaca dan menulis.



Pertandingan ini menyaksikan tempat pertama dimenangi Fahmi Muhamad Kasyid Rabuan, pelajar tahun 2 dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli. Tempat kedua dimenangi Tharushini A/P Thiagaradan manakala Nur Syaheera Sulaiman menang tempat ketiga dalam pertandingan ini.

Bagi Fahmi yang menyampaikan syarahan bertajuk 'Kebaikan Mempelajari Bahasa Mandarin' berkata, minat mempelajari Bahasa Mandarin dipupuk sejak kecil lagi. Beliau yang pernah menuntut di SJKC Kwong Hon Kuala Lumpur sejak di bangku sekolah berharap beroleh kejayaan cemerlang dalam ujian HSK yang bakal diadakan pada 22 April nanti di UM.

Sementara itu, lima pemenang saguhati adalah Fahad Amirul Aziz, Huda Abdul Halim Toh Seng Oon, Fahmi Zakwan Md Zam Zam, Nuur Amalina Syahida Md Radzi dan Chandraka Subramaniam.

***Disediakan Kang Mei Feng dari Pusat Bahasa Moden dan Sains kemanusiaan dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat***

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 27-03-2017, 14:20:50